

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN
SAID
TARIKH : 19 JUN 2014
SOALAN :**

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk mencegah penyakit denggi, dan adakah langkah-langkah ini berkesan. Berapakah statistik kes denggi setakat April 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah:

Langkah-langkah kawalan

- a) Pemantauan kes yang dilaporkan secara harian di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat;

- b) Melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan ke atas setiap kes yang dilaporkan – Penghapusan Tempat Pembiakan Aedes, Semburan Kabus (*fogging*);
- c) Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti terlibat – Ceramah, Perbincangan Kumpulan Kecil, Tunjuk Cara, Nasihat Individu, Hebahan Awam, Risalah, Poster dan Media Luar;
- d) Mengerakkan komuniti melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes; dan
- e) Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Langkah pencegahan

- a) Pemantauan indeks pembiakan Aedes di kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam.
- b) Melaksanakan aktiviti Penghapusan Tempat Pembiakan Aedes kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam;
- c) Melaksanakan Semburan Kabus (*fogging*) pencegahan di kawasan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi.
- d) Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975; dan
- e) Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti setempat.

Selain dari itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melaksanakan program-program khas dari semasa ke semasa bagi memastikan penularan demam denggi dapat dibendung. Berikut adalah program-program khas yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan kempen-kempen memerangi denggi bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan komuniti untuk sama-sama membantu memerangi denggi seperti kempen Program Ayuh Gempur Aedes, program *Dengue Walk About* di lokaliti hotspot denggi dan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di lokaliti hotspot denggi;
2. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia;
3. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis (Bti)*, semburan ruang menggunakan *temephos* (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap;
4. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013; dan
5. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM serta menjalankan

promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Keberkesanan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan adalah bergantung kepada kerjasama dan penglibatan komuniti setempat. Komuniti yang memberi kerjasama dan penglibatan yang baik, memberi hasil kawalan dan pencegahan denggi yang berkesan. Sebaliknya, kawalan dan pencegahan denggi adalah tidak berkesan sekiranya tiada kerjasama dan penglibatan dari komuniti setempat.

Statistik terkini kes denggi diseluruh negara dari Januari sehingga 24 Mei 2014, sebanyak 35,070 kes telah dilaporkan, berbanding 9,837 kes bagi tempoh yang sama tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 257% (25,233 kes).

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU
KAWASAN : TUARAN
TARIKH : 19 JUN 2014, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jajaran Lebuh Raya Pan Borneo Telipok – Kiulu - Lokos - Toboh - Rondoggong akan di mulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Jalan Telipok-Kiulu-Lokos-Toboh-Rondoggong, Ranau ialah cadangan laluan alternatif kepada Jalan Tamparuli – Ranau. Skop projek ini ialah menaik taraf jalan gravel sedia ada sepanjang 80km dan membina jalan baru sepanjang 30km dengan reka bentuk piawaian JKR R3/R4. Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM540 juta.

Projek ini telah dipohon oleh Kementerian Kerja Raya untuk dilaksanakan dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Walau bagaimanapun kementerian ini dimaklumkan oleh Agensi Pusat bahawa cadangan pelaksanaan projek tersebut akan diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Ini berikutan jalan tersebut berstatus jalan negeri. Sehubungan itu cadangan projek ini akan dilaksanakan oleh KKLW menerusi peruntukan kementerian berkenaan.

Sekian. Terima kasih.